

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 DISEMBER 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29

### IPP memulih 2.7 peratus



IPP merekodkan pertumbuhan 2.7 peratus pada Oktober, berbanding 0.5 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

## IPP memulih 2.7 peratus

Kembali kepada momentum positif pada Oktober

KUALA LUMPUR

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) memulih kepada 2.7 peratus pada Oktober lalu, dipacu prestasi seluruh sektor perlombongan, di samping pertumbuhan berterusan pengeluaran elektrik dan pembuatan, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Menurut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, IPP kembali kepada momentum po-

sitif pada Oktober, merekodkan pertumbuhan 2.7 peratus tahun ke tahun berbanding negatif 0.5 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Jelas beliau, peningkatan pada Oktober adalah tertinggi sejak Mei lalu yang didorong prestasi kukuh sektor perlombongan sebanyak 8.7 peratus (September 2023: -5.2 peratus).

"Pada masa sama, sektor elektrik dan pembuatan turun meningkat dengan masing-masing sebanyak 5.8 peratus (September 2023: 2.5 peratus) dan 0.9 peratus (September 2023: 0.4 peratus)," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Mohd Uzir berkata, peningkatan pengeluaran pembuatan pada Oktober disokong oleh pengembangan dalam industri berorientasikan domestik sebanyak 6.7 peratus

(September 2023: 5.8 peratus).

Tambah beliau, bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP meningkat 2.2 peratus iaitu menunjukkan kenaikan untuk tiga bulan berturut-turut selepas 1.1 peratus yang direkodkan pada September 2023.

Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi 10 bulan pertama 2023, Mohd Uzir berkata, IPP mengembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 1.0 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya (Januari-Okttober 2022: 7.3 peratus).

"Kesemua sektor menunjukkan pertumbuhan positif iaitu indeks elektrik (2.1 peratus), indeks pembuatan (1.1 peratus) dan indeks perlombongan (0.6 peratus)," katanya. - Bernama